

10/09/2001

Dagangan Jumaat beri sokongan moral

Fred Tam

MINGGU lalu, papan kedua Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) melonjak tinggi dengan catatan 8.33 mata atau 6.2 peratus untuk membolehkannya muncul sebagai pasaran terbaik Asia apabila ditutup pada 142.98. Saham teknologi tempatan pula menduduki tempat kedua dengan kenaikan sebanyak 2.05 mata atau 4.13 peratus untuk ditutup pada 51.86 mata.

Angka tunjuk utama pasaran. Indeks Komposit (IK) di BSKL yang lega sepanjang lapan sesi berturut-turut sebelum ini, mencatatkan kenaikan bersemangat pada Jumaat untuk mengakhiri fasa pengukuhannya berikutan pengumuman mengenai kemungkinan pemotongan cukai perjudian dan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengenai jangkaan lonjakan dalam sektor elektronik pada suku terakhir tahun ini.

Pada asas mingguan, IK meningkat 9.49 mata atau 1.38 peratus kepada 696.65 mata manakala Indeks Emas juga naik sejajar dengannya sebanyak 2.53 mata atau 1.5 peratus kepada 167.11. Malah, IK juga pada satu ketika berjaya melepasi paras 700-mata buat pertama kalinya dalam tempoh enam bulan pada hari itu sebelum pengambilan untung menekannya semula ke paras 696.65. Keseluruhannya, dagangan pada Jumaat lalu memberi sokongan moral kepada pelabur yang selama ini tidak yakin bahawa kenaikan yang berlaku di BSKL kebelakangan ini dapat bertahan.

Ini kerana, angka kenaikan sebenar itu memberi kesan langsung kepada sentimen pelabur seterusnya membantu menentukan hala tuju pasaran. Oleh itu, kejayaan IK untuk melepasi paras 700-mata pada Jumaat lalu itu amat melegakan pelabur sekali gus melenyapkan kebimbangan mereka terhadap ketidakpastian pasaran. Sebenarnya, BSKL sudah mula menunjukkan kesan kenaikannya seawal 9 Julai lalu (ketika IK pada 620.7 mata) apabila kami membuat ulasan mengenai aliran tunai masuk modal asing ke BSKL mula ketara.

Apabila IK mencatat jumlah dagangan tertingginya tahun ini pada 709 juta saham pada 19 Julai, kami juga menekankan bahawa BSKL mungkin sudah berada pada tahap 'pertengahan' satu lonjakan besar-besaran. Namun, seperti biasa, perubahan aliran pasaran jarang diyakini sehingga harga melonjak tinggi. Kini pelabur mula yakin dan sudah tentu kejayaan pasaran melepasi paras 700-mata pada Jumaat lalu banyak membantu ke arah itu. Apabila pasaran melepas paras 700-mata, kita akan melihat pelabur berpusu-pusu memasuki pasaran. Sekali lagi, talian telefon remisier mula sibuk selepas berbulan-bulan sunyi.

Dengan fenomena ini, sebenarnya apa yang perlu disedari pelabur ialah BSKL sudah memasuki fasa tiga suku atau empat daripada lima fasa lonjakannya. Dengan kata lain, kenaikan yang berlaku sudah hampir berakhir.

Dengan berita buruk itu sudah meninggalkan kita, pasaran kini sebenarnya sedang menunggu berita baik yang akan mencetuskan penjualan. Sudahkah kita mula mendengar berita terbaik daripada pasaran sehingga ini? Jika belum, ia bermakna pasaran mampu terus naik. Mulalah mengurangkan pegangan dan jual jika anda berpendapat berita yang diterima kini sudah terlalu baik untuk pasaran dan mungkin tidak akan ada yang lebih baik daripada itu buat masa ini untuk membolehkan BSKL terus bertahan dengan kenaikan. Sehingga ini, keadaan itu belum berlaku lagi!

(END)